

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah akta dan SOP yang membenarkan polis menyemak telefon bimbit orang awam pada bila-bila masa dan atas apa asas munasabah (*reasonable ground*) tentang anggapan jenayah berlaku yang menjustifikasikan semakan telefon tersebut dibuat.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak PDRM menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998, Akta 588 bagi memeriksa telefon bimbit seseorang semasa menjalankan siasatan dan semasa melaksanakan tugas menjaga ketenteraman awam.

Menerusi seksyen ini adalah menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang menyalahgunakan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bagi tujuan seperti menghantar komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain.

Melalui seksyen ini, mana-mana pegawai polis boleh mengambil tindakan dengan menyemak apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian termasuklah telefon bimbit milik orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen ini. Selain itu, manamana pegawai polis juga boleh mengambil tindakan bagi maksud pemeriksaan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian termasuklah telefon bimbit mengikut peruntukan Seksyen 103, 104 dan 106, Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 – di bawah 12 – Tindakan Pencegahan Oleh Polis. Terima kasih.